

D461

U B360 DEB
MAHATHIR - MERDEKA

KUALA LUMPUR, 30 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENINGAT RAKYAT BAHAWA MEREKALAH YANG BERTANGGUNGJAWAB MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAAN NEGARA YANG DICAPAI 29 TAHUN LEPAS.

KATANYA, JIKA NEGARA DISERANG OLEH KUASA ASING, RAKYATLAH YANG SEHARUSNYA MEMIKUL SENJATA DEMI MEMPERTAHANKAN NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN PADA MAJLIS MERAIKAN KIRA-KIRA 650 PEJUANG KEMERDEKAAN DAN PENENTANG MALAYAN UNION DARI SELURUH NEGARA DI SINI MALAM INI.

KATANYA WALAUPUN MUNGKIN ADA NEGARA YANG SIMPATI DENGAN MALAYSIA, NAMUN NEGARA BERKENAAN TIDAK AKAN MEMBANTU JIKA NEGARA DICEROBOHI OLEH KUASA LUAR.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEADAAN SEUMPAMA INI SAMALAH SEPERTI YANG DIALAMI OLEH AFGHANISTAN KERANA HANYA RAKYAT NEGARA ITU SENDIRI YANG BERJUANG UNTUK MEMULIHKAN KEMERDEKAAN NEGARA MEREKA. -- LAGI

2309MST 30 08 86

U B361 DEB
MAHATHIR - MERDEKA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA RAKYAT AFGHANISTAN SANGGUP MENGGAIDAIKAN NYAWA MEREKA SEMATA-MATA UNTUK MENGEMBALIKAN KEMERDEKAAN NEGARA MEREKA SEDANGKAN NEGARA LAIN HANYA BERSIMPATI SAHAJA.

+BANYAK ORANG KITA BERKATA MEREKA ORANG ISLAM DAN ISLAM TIDAK ADA NEGERI TETAPI DALAM PEPERANGAN MEMPERTAHANKAN AFGHANISTAN, SOAL KEBANGSAAN TELAH BANGKIT+, TEGAS BELIAU.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA DALAM HAL INI, SEMANGAT KEBANGSAAN DI KALANGAN RAKYAT AFGHANISTANLAH YANG MENDORONG MEREKA MENGORBANKAN HARTA DAN NYAWA DEMI MEMPERTAHAKAN NEGARA MEREKA.

+WALAUPUN ADA RAKYAT NEGARA INI YANG BERSIMPATI DENGAN MEREKA TETAPI SAYA BELUM MELIHAT ORANG INI MEMIKUL SENJATA UNTUK MEMPERTAHANKAN AFGHANISTAN KERANA MEREKA ORANG MALAYSIA DAN INI SAHAJALAH NEGARA MEREKA,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA BAHAWA SEHUBUNGAN DENGAN ITU, RAKYAT PERLULAH BERSATU DEMI MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAAN NEGARA. -- LAGI

2326MST 30 08 86

U B363 DEB
MAHATHIR - MERDEKA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENINGAT RAKYAT SUPAYA JANGAN MENGANGGAP BAHAWA SELEPAS MERDEKA, PERPADUAN YANG WUJUD SEMASA MEMPERJUANGKAN KEMERDEKAAN TIDAK LAGI PERLU.

JIKA RAKYAT TIDAK BERSATU, NEGARA AKAN LEMAH DAN JIKA INI BERLAKU, KUASA LUAR AKAN MENCUBA MENJAJAH NEGARA INI SEPERTI YANG BERLAKU KEPADA KAMPUCHEA, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA PERPADUAN BUKAN SAHAJA BERMaksud PERPADUAN ANTARA KAUM TETAPI JUGA MERANGKUMI PERPADUAN ANTARA GENERASI DENGAN GENERASI.

+JIKA GENERASI BARU TIDAK LAGI MENGHORMATI GENERASI LAMA, MAKA INI BERERTI BIBIT-BIBIT PERPECAMAN WUJUD DI NEGARA INI. + TEGASNYA. -- LAGI

2340MST 30 08 86

D469

U B364 DEB
MAHATHIR - MERDEKA & KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYESALI SIKAP SESETENGAH GOLONGAN MUDA YANG MELUPAI PENGORBANAN GENERASI LAMA.

WALAU BAGAIMANAPUN, BELIAU BERDANGGA DENGAN SUMBANGAN GENERASI MUDA KE ARAH MENJAMIN KEUTuhan NEGARA TERUTAMA SOKONGAN MEREKA KEPADA BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA BARU-BARU INI.

MENGENAI SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEBANGSAAN TAHUN INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA MEMPUNYAI MAKNA BESAR KERANA MEMANDANGKAN SETIAP LAPISAN RAKYAT TIDAK DILUPAKAN.

YANG TURUT MENGHADIRI MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN KUMPULAN AKHBAR UTUSAN MELAYU (M) SDJ TALAH MENTERI PERTANIAN DATUK SERI SARUSI JUNID. -- BERNAMA

2348MST 30 08 86